

Maksud Wakaf

Terhalangnya harta yang boleh dimanfaatkan daripada harta tersebut dengan mengekalkan zat serta hilang pengawasan terhadap harta itu kerana tindakan yang diharuskan

Maksud Musaqah

Bahasa : saling menyiram

Syara' : satu kontrak penyerahan tanaman/pohon kepada orang yang menjaga & memelihara tanaman dengan agihan hasil-merupakan satu kontrak kerja berdasarkan hasil tanaman

Hukum Musaqah

Harus

Hadis

"Ibnu Umar r.a telah menceritakan, bahawa Rasulullah s.a.w pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanah pertaniannya."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Rukun Musaqah

1. Kedua pihak yang berkontrak
2. Punca kerja/objek Musaqah
3. Buah
4. Kerja
5. Ijab & Qabul



By **farihin12**

cheatography.com/farihin12/

Kaedah Musaqah

1. Pihak berwajib perlu memilih golongan miskin yang bersesuaian iaitu sihat tubuh badan dan sempurna fizikal
2. Sebuah keluarga sebanyak lima ekar ke sepuluh ekar kebun
3. Hasil jualan tersebut boleh dibahagikan oleh pihak berwajib dengan pengusaha berdasarkan kepada nisbah perjanjian yang dipersetujui

Pembahagian Hasil (pengusaha & pihak berkuasa)

1. 50-50 peratus
2. 60-40 peratus
3. 70-30 peratus

Operasi Cadangan Kontrak Musaqah


1. Pengumpulan modal dibuat daripada orang ramal
2. Pihak majlis agama Islam negeri ataupun pihak berkuasa akan membuat pemilihan
3. Pihak majlis agama Islam negeri ataupun pihak berkuasa tempatan akan menyediakan sebidang tanah untuk dibangunkan
4. Pengusaha akan menguruskan ladang tersebut dari sudut penjagaan
5. Apabila buah tersebut sudah masak dan boleh dijual, maka hasil jualan tersebut perlu diagihkan di antara pengusaha dan pihak berkuasa

Not published yet.

Last updated 14th June, 2020.

Page 1 of 1.

Rajah Operasi Cadangan Kontrak Musaqah



Hikmah Musaqah

1. Menjana pendapatan golongan miskin
2. Mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan miskin
3. Menjana pendapatan yang lebih tinggi dan membasmikan kemiskinan
4. Mengatasi masalah pembangunan harta wakaf di Malaysia
5. Menjana ekonomi umat Islam dan pembangunan sosial ummah yang lebih baik

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>